



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PUP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

22 NOVEMBER 2021 (ISNIN)



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (KPDNHEP)

22 NOVEMBER 2021 (ISNIN)

HARI : ISNIN
TARIKH : 22/11/2021
M/SURAT : 1





ROSOL Wahid (kanan) memetik buah Melon Manis Terengganu (MMT) di Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) Peradong di Kuala Terengganu, semalam. - UTUSAN/PUQTRA HAIRY ROSLI

Kes siakap RM1,196 akan ke Pejabat Peguam Negara

KUALA TERENGGANU: Kertas siasatan melibatkan pemilik restoran terapung yang tular kerana menjual hidangan sekor siakap berharga RM1,196 di Langkawi, Kedah akan diserahkan kepada Pejabat Peguam Negara untuk tindakan lanjut.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Rosol Wahid berkata, pemilik restoran

berkenaan gagal mengemukakan dokumen lengkap dalam tempoh lanjutan notis pada 17 November lalu.

"Oleh itu, kertas siasatan dibuka melibatkan kesalahan di bawah Seksyen 53(A) Akta Kawalan Harga dan Anti Pencautan (AKHAP) 2011 kerana kegagalan menyelenggara dan menyimpan rekod wajar dalam pengendalian perniagaan," ka-

tanya selepas melawat ladang tanaman Melon Manis Terengganu (MMT) di Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) Peradong, di sini semalam.

Terdahulu, pemilik restoran terapung itu menerima notis daripada kementerian berkenaan pada 6 November lalu dan tempoh untuk menjawab notis berkenaan dilanjutkan selama 12 hari hingga 17 November.

Isu harga hidangan siakap lebih RM1,000

Peniaga akan didakwa

Tindakan selepas gagal kemuka dokumen lengkap diminta KPDNHEP

Oleh Ahmad Rabiul Zulkifli
bhnews@bh.com.my

Kuala Terengganu: Peniaga yang mengenakan harga lebih RM1,000 pada hidangan ikan siakap di sebuah restoran di Langkawi sehingga isu itu tular dalam media sosial, awal bulan ini, bakal didakwa mengikut Seksyen 53 (A) Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (AKHAP) 2011.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Rosol Wahid, berkata ia susulan pihak terbabit gagal mengemukakan dokumen perniagaan lengkap yang dikehendaki kementeriannya, dalam tempoh ditetapkan.

"Peniaga itu memberi kerjasama baik kepada Kementerian Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), namun malangnya gagal memenuhi arahan menghantar dokumen perniagaan lengkap dan terperinci, dalam tempoh diberikan."

"Tempoh penghantaran dokumen itu sudah dilanjutkan bagi membolehkan peniaga itu membentulkan kesilapan berkenaan.

"Bagaimanapun, ia masih ti-



Rosol menunjukkan Melon Manis Terengganu ketika lawatan ke kawasan Tanaman Fertigasi MMT di Kampung Peradong, Manir, semalam.
(Foto Ahmad Rabiul Zulkifli/BH)

dak dapat dipenuhi hingga 17 November lalu. Justeru, kertas siasatan dibuka dan akan dihantar ke Pejabat Pendakwa Raya untuk tindakan lanjut," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita pada Program Lawatan Timbalan Menteri KPDNHEP di Kawasan Tanaman Fertigasi Melon Manis Terengganu (MMT) di Kampung Peradong, Manir, di sini, semalam.

Rosol berkata, tindakan itu diambil berikutan kegagalan peniaga terbabit menyelenggara

dan menyimpan rekod dengan wajar.

"Peniaga itu akan didakwa mengikut Seksyen 53(A) AKHAP 2011 yang memperuntukkan hukuman denda hingga RM50,000 atau kompaun RM25,000, jika sahit kesalahan."

"Siasatan lanjut atas kesalahan mencatut, tidak dapat dijalankan berikutan dokumen perniagaan yang dihantar peniaga itu tidak memberi maklumat terperinci berhubung kos operasinya.

"Peniaga itu hanya menyata-

kan harga jualan ikan siakap, iaitu RM16 bagi setiap 100 gram tidak pernah berubah sejak tiga tahun lalu. Namun, ia bukan bukti kukuh dan tidak mencukupi untuk siasatan dilakukan," katanya.

Beliau sekali gus menasihati golongan peniaga agar sentiasa menyimpan rekod perniagaan, termasuk resit pembelian dan proses, bagi memudahkan penyiasatan KPDNHEP sekiranya berlaku sebarang isu berbangkit.



PENJUAL IKAN SIAKAP MAHAL AKAN DIDAKWA

Gagal kemuka dokumen diperlukan
KPDNHEP dalam tempoh ditetapkan

Bakal didakwa mengikut Akta Kawalan Harga 2011

Peniaga siakap gagal lengkap dokumen

Oleh MOHD. AZLI ADLAN

KUALA TERENGGANU – Peniaga di Langkawi, Kedah yang tular awal bulan ini kerana menjual hidangan ikan siakap lebih RM1,000 bakal didakwa mengikut Seksyen 53(A) Akta Kawalan Harga dan Anti Pencututan 2011.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Rosol Wahid berkata, peniaga terbabit telah gagal mengemukakan dokumen perniagaan lengkap yang dikehendaki kementeriannya mengikut tempoh ditetapkan.

Beliau berkata, peniaga terbabit telah memberi kerjasama baik kepada Kementerian Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), namun malangnya gagal memenuhi arahan menghantar dokumen perniagaan lengkap dan terperinci.

"Sebelum ini tempoh penghantaran dokumen terperinci terbabit telah dilanjutkan bagi membolehkan peniaga itu membentulkan kesilapan tersebut.

"Begitupun, ia masih tidak dapat dipenuhi sehingga 17 November lalu. Kertas siasatan



KERATAN Kosmo! 6 November 2021.

telah dibuka dan akan dihantar ke Pejabat Pendakwa Raya untuk tindakan selanjutnya," katanya ketika ditemui di Taman Pengeluaran Makanan Peradong, Manir di sini semalam.

Kosmo! 4 November lalu melaporkan sekumpulan individu terkejut apabila mereka terpaksa membayar sebanyak RM1,196 bagi hidangan seekor ikan siakap dengan berat sekitar tujuh kilogram (kg) di salah sebuah restoran di Langkawi, Kedah baru-baru ini.

Kisah ikan siakap "kayangan" itu kemudian menjadi tular selepas resit pembayarannya diumum naik di laman Facebook sebelum KPDNHEP mengemukakan notis siasatan kepada peniaga terbabit tidak lama kemudian.



Sebelum ini tempoh penghantaran dokumen terperinci terbabit telah dilanjutkan bagi membolehkan peniaga itu membentulkan kesilapan tersebut. Begitupun, ia masih tidak dapat dipenuhi sehingga 17 November lalu. Kertas siasatan telah dibuka dan akan dihantar ke Pejabat Pendakwa Raya untuk tindakan selanjutnya."

Rosol berkata, tindakan terbaik dikenakan ekoran kegagalan peniaga itu menyelenggara dan menyimpan rekod dengan wajar.

Jelasnya, peniaga itu akan didakwa Seksyen 53(A) Akta Kawalan Harga dan Anti Pencututan 2011 yang memperuntukkan hukuman denda sehingga RM50,000 atau kompaun RM25,000 jika sabit kesalahan.



RESTORAN Terapung Sas Rimba menjadi tular selepas seorang pelanggan mendedahkan dia dikenakan harga lebih RM1,000 untuk hidangan seekor ikan siakap seberat tujuh kilogram di Langkawi awal bulan lalu.

Kes 'siakap kayangan' dirujuk kepada Timbalan Pendakwa Raya



Rosol (kanan) menunjukkan buah melon ketika melawat Pusat Pengumpulan Hasil Taman Kekal Pengeluaran Makanan di Kampung Peradong, Manir, Terengganu pada Ahad.

KUALA TERENGGANU – Kes sebuah restoran terapung di Pulau Langkawi yang tular kerana didakwa menjual hidangan seekor siakap berharga RM1,196 akan dirujuk kepada Timbalan Pendakwa Raya (TPR) untuk tindakan selanjutnya.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Rosol Wahid berkata, kertas siasatan telah dibuka terhadap peniaga berkenaan selepas gagal menyerahkan dokumen lengkap yang perlu diperincikan kepada KPDNHEP.

"Sebelum ini, pemilik restoran perlu menjawab notis KPDNHEP mengikut Seksyen 21 Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (AKHAP) 2011 namun sehingga 17 November, peniaga ini gagal menyerahtarkan dokumen lengkap yang perlu diperincikan kepada KPDNHEP.

"Oleh itu satu kertas siasatan dibuka di bawah Seksyen 53(A) AKHAP 2011 kerana gagal menyelenggara dan menyimpan rekod yang wajar berhubung kendalian

perniagaan," katanya kepada pemberita selepas mengadakan lawatan ke Tanaman Fertigasi Melon Manis Terengganu (MMT) di Pusat Pengumpulan Hasil Taman Kekal Pengeluaran Makanan di Kampung Peradong, Manir, di sini pada Ahad.

Sebelum ini, tular dalam media sosial gambar resit menunjukkan sejumlah individu terpaksa membayar sebanyak RM1,196 bagi hidangan seekor ikan siakap dengan berat 7.48 kilogram.

Menurut Rosol, kegagalan pemilik premis mengemukakan dokumen yang dikehendaki menyebabkan siasatan lanjut mengenai kemungkinan wujud unsur pencatutan tidak dapat dijalankan berikutan dokumen lengkap seperti kos operasi dan kos-kos lain tidak diperolehi.

Sehubungan itu, beliau meminta para peniaga melakukan penyimpanan rekod pembelian stok, barang, pemprosesan dan jual beli dengan baik bagi memudahkan siasatan dibuat oleh pihak berkuasa sekiranya timbul sebarang isu.

"Individu yang didapati bersalah di bawah Seksyen 53(A) AKHAP boleh didenda RM50,000 atau penjara dua tahun atau kedua-duanya sekali bagi kesalahan pertama dan dendanya meningkat sehingga RM100,000 dan penjara lima tahun bagi kesalahan berulang," katanya.

Kata Rosol, siasatan pihaknya turut mendapat harga jualan RM16 bagi 100 gram ikan siakap dikenakan peniaga berkenaan tidak berubah sejak tiga tahun lalu.

Mengulas mengenai Ops Menu yang dilancarkan pada 6 November lalu susulan isu harga siakap melampau itu, Rosol memaklumkan setakat ini KPDNHEP telah melakukan 2,814 pemeriksaan di restoran dan kedai makan seluruh negara.

Daripada jumlah itu, jelasnya, sebanyak 21 kes direkodkan iaitu 10 kes di bawah AKHAP 2011 dan 11 kes di bawah Akta Timbang dan Sukat 1972 dengan Sabah merekodkan kes paling tinggi iaitu sembilan kes dan sebanyak RM6,400 kompaun dikeluarkan kepada peniaga.



SEORANG pekerja pasar raya menampal pelekat minyak habis di Kuantan, Pahang. - UTUSAN/SHAIKH AHMAD RAZIF

Minyak masak peket dijual RM2.90

Oleh MOHAMAD SHOFI MAT ISA
shofi.isa@mediamulia.com.my

KUANTAN: Isu kekurangan minyak masak paket semakin kritisikal sehingga terdapat peniaga kedai runcit terpaksa menjual sehingga RM2.90 sekilogram.

Utusan Malaysia difahamkan, selain faktor kekurangan bekalan, peniaga kedai runcit terpaksa menaikkan harga kerana memperoleh stok minyak masak peket pada harga RM2.50 sekilogram.

Tinjauan di beberapa kedai runcit dan pasar raya di daerah ini mendapati bekalan minyak masak paket tiada dan ia difahamkan berlarutan lebih dua minggu.

Susulan ketidadaan stok, orang ramai terpaksa membeli dan menggunakan minyak masak dalam botol yang dijual de-

ngan harga lebih tinggi.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, seorang pengguna yang hanya ingin dikenali sebagai Adwa berkata, dia membeli minyak masak paket dengan harga RM2.90 sekilogram.

"Ada kedai mempunyai stok tetapi begitu terhad, namun, harga dijual pula melebihi harga subsidi kerajaan RM2.50 sen. Muah tidak mahu, saya terpaksa beli juga."

"Tauke kedai pun beberapa kali memaklumkan dia terpaksa menjual dengan harga itu (RM2.90) dan terserah kepada saya untuk membeli atau tidak," katanya di sini semalam.

Seorang pekerja pasar raya di daerah ini, Halina Hamdan, 32, berkata, dalam tahun ini, lebih tiga kali minyak masak paket mengalami masalah bekalan.

"Kali ini, paling kritisikal, di-

tempat saya bekerja, lebih seminggu tiada stok minyak masak paket, tidak pasti apa masalah," katanya.

Sementara itu, Presiden Yaysasan Pengguna Negara Malaysia (YPNM), Datuk Mohd. Firdaus Abdullah berkata, menjual minyak masak paket melebihi harga subsidi adalah satu kesalahan.

Katanya, peniaga yang melakukan kesalahan itu boleh dikenakan tindakan mengikut Seksyen 11 Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (AKHAP) 2011.

"Jika dibiarkan berlarutan rakyat pasti memberontak kerana dalam situasi Covid-19 yang dihadapi ketika ini, kebanyakan pembeli tidak berkemampuan membeli minyak masak botol dengan harga yang lebih tinggi," katanya.

Pengguna terus mengeluh, minyak peket masih tiada

GEOGETOWN: Di sebalik jaminan Pejabat Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (PPDNHEP) yang mana tidak berlaku gangguan bekalan minyak peket satu kilogram (1kg) di pasaran ketika ini, namun, situasi sebaliknya masih dialami kalangan pengguna dan peniaga kecil-kecilan yang masih sukar mendapat bekalan itu.

Seorang pengguna, Asrul Izham, 41, memberitahu, dia tidak menyangka minyak peket 1kg yang dipasarkan pada harga RM2.50 sebungkus kini dijual RM3.50 di kedai runcit di daerah Timur Laut.

"Bukan sahaja berdepan kesukaran untuk mendapatkan minyak peket sehingga terpaksa keluar sejauh 10 kilometer

dari rumah semata-mata untuk mendapatkan sebungkus minyak peket, malah peniaga turut menaikkan harga hingga RM1 semalam (kelmarin).

"Jenuh mencari kedai yang memasarkan minyak peket ketika ini. Daripada enam buah kedai runcit termasuk pasar raya, hanya sebuah premis sahaja yang bersepelet itupun perlu

beli barang lain di situ.

"Pengusaha befitahu yang pihak pemborong memaklumkan bekalan minyak peket akan dinilaikan harga dan saya terpaksa ikut harga yang mereka tetapkan," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini semalam.

Dalam pada itu, seorang lagi peniaga cucur udang di Batu Ferringhi, Roslina Roslee, 38,

berkata, dia terpaksa menutup sementara gerai makanan yang diusahakan sejak dua minggu lalu berikutan kesukaran mendapatkan bekalan minyak peket di pasaran.

"Saya menggunakan kira-kira tujuh minyak peket sehari dan tidak sanggup menggunakan minyak botol yang dipasarkan pada harga jauh lebih tinggi."

Kerajaan diminta kawal kenaikan harga telur ayam

ALOR SETAR - Kerajaan diharap dapat mengawal kenaikan harga telur ayam serta barang keperluan pengguna yang berlaku sejak kebelakangan ini.

Setiausaha Persatuan Pengguna Kedah (Cake), Mohamad Yusrizal Yusoff berkata, pihaknya mengesahkan kenaikan harga telur ayam sehingga lebih RM3 seapan atau 30 biji telur ayam sejak seminggu yang lalu berlaku di Kedah.

Menurut Mohamad Yusrizal, kenaikan sebanyak tiga sen bagi sebiji telur itu melibatkan semua gred bagaimanapun punca kenaikan harga telur ayam dalam tempoh seminggu itu tidak dapat dikenal pasti setakat ini.

"Ini bermakna harga telur ayam tidak kira gred naik sehingga lebih RM3 bagi seapan dan Cake memohon kerajaan supaya dapat mengawal kenaikan harga itu."

"Pengguna pula diharap bijak berbelanja dan jangan terlalu banyak membeli belah hingga menyebabkan inflasi," katanya ketika dihubungi pada Ahad.

Pada Khamis, *Sinar Harian* melaporkan, bekalan dan permintaan telur ayam di Sungai Petani tidak ter-

jejas meskipun harga makanan itu dikatakan meningkat.

Pengguna, Nurul Afzan Aminudin,37, berkata, pengguna seperti tiada pilihan kerana telur tetap menjadi barang wajib setiap bulan.

Katanya, harga telur ayam mencecah sehingga RM12 atau RM13 seapan bagi gred A berbanding sekitar RM10 seapan sebelum ini.

Sementara itu, Pengurus Cawangan Econsave Bandar Puteri Jaya, Kavikumar Muniandy memaklumkan, ketika ini harga telur ayam ialah RM12.50 seapan untuk gred A; RM12.20 (gred B) dan RM10.70 (gred C).



MOHAMAD YUSRIZAL



Laporan *Sinar Harian* pada 18 November 2021



Tiada istilah jaga standard

Selebriti tampil memartabatkan produk Malaysia

Oleh RAJA NUR FAZNIE AIDA

Golongan selebriti antara yang sering dilabelkan sebagai pentaksuh jenama. Melalui gaya dan penampilan, mereka sering dianggap lebih gemar memilih produk luar negara berbanding jenama Malaysia gara-gara mahu menjaga standard.

Realitinya, memiliki barang berjenama menjadi sebahagian daripada kehendak sesiapa sahaja dan tidak terhad kepada sesetengah golongan atau selebriti semata-mata.

Bagi empat selebriti ini, tiada istilah untuk jaga standard dengan hanya memilih produk berjenama dari luar negara.

Sebagai rakyat Malaysia, mereka bukan hanya menyokong malah berbangga menggunakan produk tempatan sebagai pilihan.

Bagi penyanyi nasyid, Mohamad Fitri Mohamad Haris, 37, ia juga standard bergantung kepada penilaian individu itu sendiri.

RSelain yakin dan berbaloi, kualitinya juga benar-benar terjaga. Produk kita mempunyai rekaan yang baik, malah harga juga berpatutan. Paling penting rasa bangga yang tiada nilainya."



Mohamad Fitri mengutamakan kereta buatan Malaysia, Perodua dan Proton.

Menurutnya, terdapat individu yang membeli sesuatu produk kerana mengutamakan pandangan orang lain hingga mereka terperangkap dengan nilai komersial dan mengambil kira apa kira orang terhadap dirinya.

"Saya hanya akan pakai atau gunakan sesuatu produk yang menjadi kepuasan, berkualiti dan menjamin kos."

"Bagi saya tiada bezanya produk Malaysia dengan produk luar, apatah lagi produk kita bukan sahaja bagus tetapi mudah didapati. Apa yang penting rekaannya sedap mata memandang dan friendly user," kata penyanyi lagu Langit Wahyu itu.

Beliau yang juga bekas anggota kumpulan nasyid terkenal UNIC paling mengutamakan kereta buatan Malaysia iaitu Perodua dan Proton kerana mudah untuk mendapatkan alat ganti, malah menjaminkan kos.

Dari segi pakaian pula, dia lebih gemar memakai baju T dan seluar sukan yang dibeli di Pasaraya Hari-Hari.

"Untuk barang elektrik, kebanyakannya saya guna jenama Pensonic. Harganya murah dan kualiti juga bagus berbanding produk keluaran China."

"Apapun produk kena cuba dulu sebelum kritik. Sebenarnya produk Malaysia tidak kurang hebat berbanding jenama dari UK. Gunalah barang buatan Malaysia supaya kita dapat bantu membangunkan ekonomi kita," katanya.

Sementara itu, pelakon, Md Zalif Naqriyudin Wan Abu Bakar Sidek, 36, atau lebih popular dengan nama Zalif Sidek, mengakui tidak seinci pun turunnya nilai standard apabila mengenakan produk tempatan.

Sebaliknya, produk keluaran Malaysia diyakini mempunyai kelebihan tersendiri bahkan setanding dengan produk luar negara.

"Selain yakin dan berbaloi, kualitinya juga benar-benar terjaga. Produk kita mempunyai rekaan yang baik, malah harga juga berpatutan. Paling penting rasa bangga yang tiada nilainya," ujar selebriti yang berasal dari Kuala Terengganu ini.



Zalif Sidek menyifatkan produk tempatan ada kualiti tersendiri.



Najwa salah seorang pengguna tegar produk buatan Malaysia.



Nadia Amira seru orang ramai membeli produk tempatan sebagai menyokong ekonomi domestik.

Pelakon Hanu Dalam Botol Kicap itu memberitahu, selain kelengkapan rumah buatan tempatan, dia dan ahli keluarga menggunakan barang elektrik keluaran Pensonic.

Bantu ekonomi

Pelantun lagu Cinta Muka Buku, Imratul Najwa Abdul Latif atau Najwa Latif, 26, berpendapat nilai standard bergantung kepada cita rasa seseorang individu.

"Pada saya, perlu untuk mengambil kira kemampuan kita dalam membeli sesuatu produk."

"Selagi produk itu selamat untuk digunakan, itu juga antara satu standard yang perlu kita titikberatkan," kata Najwa.

Ditanya mengenai kelebihan menggunakan produk jenama Malaysia, bagi Najwa ia terbukti mempunyai kualiti yang baik, harga berpatutan sekali gus sesuai digunakan untuk jangka masa panjang.

"Antara produk tempatan yang menjadi kegemaran saya ialah jenama tudung The Jasmine, manakala pakaian pula jenama Mis Claire dan produk penjagaan kulit wajah, ZarZou," kongsinya.

Jelasnya, setiap orang berhak mempunyai cita rasa dan pendapat masing-masing berkaitan pilihan produk, jenama dan kualiti yang dicari.

"Tiada masalah untuk kita membeli produk luar tetapi perlu bagi warga Malaysia memberi sokongan kepada produk tempatan jika produk itu bersesuaian dengan kita," ujarnya.

Penyanyi, pelakon dan juga pengacara, Nadia Amira Othman, 28, pula memilih untuk menjadi pengguna yang bijak dengan menggunakan produk tempatan bagi menjana pertumbuhan ekonomi negara.

Katanya, tiada istilah tidak jaga standard jika mengenakan produk tempatan, bahkan dia berpendapat mentaliti sedemikian perlu diubah.

"Kita berada di zaman serba canggih, mentaliti seperti itu tidak perlu wujud kerana ramai usahawan berjaya menjadi jutawan dengan menghasilkan produk tempatan yang terbukti berkualiti."

"Apabila kita menggunakan produk tempatan, kita antara pengguna yang bijak. Kita tidak menilai sesuatu produk itu berdasarkan harga semata-mata. Kita perlu menilai berdasarkan kualiti produk tersebut," kongsinya ini yang pernah popular dengan lagu Hati-Hati.

Nadia Amira turut berkongsi produk tempatan yang menjadi pilihannya, iaitu jenama tudung Sheri Lee.

Dia turut menasihati orang ramai supaya tidak memandang rendah produk buatan Malaysia kerana percaya ia dapat menandingi produk-produk luar malah setaraf jenama antarabangsa.

"Sebenarnya banyak manfaat yang kita peroleh nanti. Janganlah berbelanja pada harga yang tidak masuk akal, tetapi kena pandai menggunakan duit, membeli barang dengan harga yang berpatutan," katanya.